



كمنتريين حال احوال دالم نكري KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

SIARAN AKHBAR

KAEDAH PERNIAGAAN SECARA DRIVE-THRU

1. Sukacita merujuk pengumuman Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri di Sidang Media mengenai peniadaan gerai-gerai Ramadan di bawah kawalan Jabatan-Jabatan Daerah, Jabatan-Jabatan Bandaran dan Jabatan Belia dan Sukan pada 6 April 2020. Dengan itu, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sukacita memaklumkan berasaskan kepada perbincangan dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan atas nasihat Kementerian Kesihatan bahawa bagi memudahkan orang ramai untuk membeli juadah berbuka puasa di sepanjang bulan Ramadan, satu konsep perniagaan telah diperkenalkan iaitu berasaskan secara tempahan awal (*pre-order*) dan *pickup* secara *drive-thru*.
2. Lokasi bagi perniagaan ini akan diadakan di beberapa lokasi di kawasan Stadium Negara Hassanal Bolkiah dan ianya hanya dibukakan kepada peniaga-peniaga yang akan menggunakan *food truck*.
3. Mana-mana pihak yang berminat untuk menjalankan perniagaan secara *drive-thru* bolehlah menghubungi Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan bagi mendapatkan maklumat lanjut.
4. Mana-mana peniaga yang berniaga di premis-premis perniagaan di bawah kawalan Jabatan-Jabatan Daerah dan Jabatan-Jabatan Bandaran yang juga berhasrat untuk menyertai kaedah perniagaan secara *drive-thru* di premis perniagaan mereka bolehlah memohon melalui Jabatan-Jabatan Daerah dan Jabatan-Jabatan Bandaran. Penilaian akan dibuat berasaskan kepada beberapa perkara termasuk aspek keselamatan.
5. Tarikh pelaksanaan bagi perniagaan kaedah *drive-thru* di kawasan Stadium Negara Hassanal Bolkiah akan bermula pada hari Jumaat, 01hb Mei 2020.

-TAMAT-

**Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri
Negara Brunei Darussalam**

04 Ramadan 1441H / 28 April 2020M

**NOMBOR PERHUBUNGAN
DI JABATAN-JABATAN DAERAH, JABATAN-JABATAN BANDARAN
DAN JABATAN BELIA DAN SUKAN**

Jabatan	Nombor Perhubungan	
	Semasa Waktu Bekerja	Di Luar Waktu Bekerja
Jabatan Daerah Brunei dan Muara	2381454	8840271
Jabatan Daerah Belait	3334335/6/7 ext 1111 / 1125	8711316
Jabatan Daerah Tutong	4222491 ext 133	7233954
Jabatan Daerah Temburong	5221266/5 ext 117	8371724
Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan	2232424 ext 131	8872958
Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria	3340631	8872233
Jabatan Bandaran Tutong	4221232 ext 200	8117115
Jabatan Belia dan Sukan	2381903/4/5 ext 1329 / 1311	8762007